

Ruj. Kami:MBPJ/090100/T/A6/JLD 12 (5)

KENYATAAN AKHBAR

SAMBUTAN PERAYAAN MAJLIS MESRA GONG XI FA CAI PETALING JAYA 2014

Selaras dengan prinsip usahasama dan penyertaan local agenda 21 Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama organisasi penduduk di Petaling Jaya antaranya Chempaka Buddhist Lodge, Rukun Tetangga Kg Chempaka, Persatuan Penduduk Seksyen 19, dan Gift of Life Society menganjurkan Majlis Mesra Gong Xi Fa Cai peringkat Petaling Jaya 2014.

Sokongan padu dan penyertaan semua pihak ke atas program sosial integrasi majlis yang sememangnya merupakan intipati penting dalam memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya berdaya huni menjelang tahun 2030.

Program ini turut memperkenalkan kebudayaan dan adat kaum cina serta mempromosikan prinsip kehijauan dan pembangunan mampan kepada semua lapisan masyarakat melalui majlis perayaan seumpama ini.

Oleh itu, penyertaan daripada sektor perniagaan di sekitar Pusat Bandar Seksyen 52 merupakan satu tanda titik permulaan yang begitu memberangsangkan.

Untuk makluman, buat pertama kalinya sambutan majlis perayaan besar anjuran MBPJ diadakan di kawasan sekitar pentas mini di sini merupakan usaha majlis bagi mengaktifkan semula suasana daya saing dan daya hidup pusat bandar seksyen 52 di bawah program PJ walk, iaitu satu inisiatif bagi mewujudkan ruang awam berinteraksi yang mesra alam dan pengguna untuk semua lapisan masyarakat di samping memperkuatkannya imej dan identiti Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Sejahtera.

Namun sasaran tersebut hanya akan tercapai dengan adanya komitmen gigih, sokongan padu dan penyertaan aktif daripada semua pihak berkepentingan.

Selepas ini program-program perayaan lain majlis termasuk Rumah Terbuka Hari Raya Aidil Fitri, Perayaan Deepavali, Perayaan Hari Krismas, Hari Kemerdekaan dan Sambutan Ulangtahun Bandar Raya Petaling Jaya kelak juga bakal dianjurkan di sini akan memupuk semangat silatur rahim dan kekitaan yang lebih erat lagi antara majlis dan masyarakat.

MBPJ turut memberi jaminan kepada semua bahawa dalam usaha kita meningkatkan daya saing dan daya hidup pusat-pusat bandar, majlis akan sentiasa siapsiaga dalam memberikan perkhidmatan bandar yang berkualiti dan paling baik kepada semua lapisan masyarakat demi menaik tarafkan daya huni kawasan persekitaran hidup kita.

Pelbagai aktiviti dan persembahan menarik telah diatur bagi memeriahkan lagi Sambutan Majlis Mesra Gong Xi Fa Cai Peringkat Petaling Jaya pada tahun ini antaranya jamuan ringan, peluang bergambar di depan pintu gerbang hiasan dengan gimik misteri, peraduan teka-teki yang menawarkan hadiah yang lumayan, pameran hijau serta peluang untuk memenangi 100 hadiah menarik bagi cabutan bertuah.

Pihak urusetia turut menyediakan peraduan kaligrafi menggambarkan perkataan "kuda" kepada orang ramai. tidak ketinggalan persembahan tarian singa, persembahan pentas oleh artis terkenal, kumpulan kebudayaan mbpj, pemainan alat muzik tradisional dan banyak lagi.

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Tarikh : 09 Februari 2014.

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria, / En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))